


PENGAUDITAN PENILAIAN KENDIRI SYARIKAT KERAJAAN (PROJEK RINTIS)

FAKTA UTAMA

30 Syarikat yang dinilai termasuk 11 Syarikat Tujuan Khas	RM8.803 bilion Modal berbayar	RM1.292 bilion Kerugian terkumpul bagi tahun 2021 melibatkan 17 syarikat RM118.89 juta Dividen dibayar bagi tahun 2021 melibatkan 9 syarikat
Jenis Syarikat	Syarikat Berhad Menurut Syer, Badan Berkanun Persekutuan	
Aktiviti Utama	Bidang Perkhidmatan	

1. LATAR BELAKANG



1.1. Pengauditan Penilaian Kendiri Syarikat Kerajaan merupakan Projek Rintis Jabatan Audit Negara yang dilaksanakan pada tahun 2023.

1.2. Setakat 12 Disember 2022, sebanyak 925 syarikat/badan lain telah diwartakan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara. Pewartaan melibatkan sebanyak 207 (22.4%) syarikat/badan lain Kerajaan Persekutuan, 170 (18.4%) syarikat Badan Berkanun Persekutuan (BBP) dan 548

(59.2%) syarikat/badan lain Kerajaan Negeri.

1.3. Pengauditan syarikat mula dilaksanakan pada tahun 2004, bagaimanapun hanya 391 daripada 925 syarikat (42.3%) telah diaudit dalam tempoh masa 19 tahun. Oleh itu, Jabatan Audit Negara mengambil inisiatif dengan memperkenalkan penilaian sendiri syarikat kerajaan. Projek rintis ini dijalankan terhadap 30 syarikat.

2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN



2.1. Objektif

2.1.1. Pengauditan penilaian sendiri dijalankan bertujuan menilai pencapaian syarikat dari aspek amalan tadbir urus korporat yang baik dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh. Selain itu, pelaksanaan aktiviti syarikat dinilai secara umum sama ada selaras dengan Perlembagaan Syarikat.

2.1.2. Hasil penilaian dapat memberi gambaran menyeluruh kepada syarikat berkaitan aspek tadbir urus korporat yang sepatutnya diamalkan serta tahap kedudukan kewangan sama ada kukuh atau sebaliknya.

2.1.3. Selain itu, bagi memastikan lebih banyak syarikat kerajaan diliputi dalam pemantauan Audit setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara.

2.2. Skop

2.2.1. Pengauditan penilaian sendiri dijalankan terhadap dua aspek iaitu amalan tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan syarikat. Selain itu, pengauditan meliputi semakan terhadap pelaksanaan aktiviti yang dikemukakan oleh syarikat.

2.2.2. Analisis terhadap maklum balas penilaian sendiri aspek tadbir urus korporat dilaksanakan terhadap sembilan elemen bagi tempoh tahun 2020 hingga bulan September 2023 iaitu:

1	Pengerusi
2	Lembaga Pengarah
3	Setiausaha Syarikat
4	Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan
5	Prosedur Operasi Standard
6	Rancangan Korporat/Pelan Strategik/Petunjuk Prestasi Utama
7	Jawatankuasa Audit
8	Audit Dalam
9	Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan

2.2.3. Analisis terhadap kedudukan kewangan pula dilaksanakan berdasarkan maklumat penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021. Elemen yang dinilai merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; serta tunai dan kesetaraan tunai.

2.2.4. Penilaian terhadap aktiviti syarikat pula berdasarkan aktiviti utama tahun semasa yang dinyatakan oleh syarikat.

2.2.5. Kriteria pemilihan syarikat kerajaan bagi projek rintis ini ialah Syarikat Berhad

Menurut Syer di bawah BBP, belum pernah diaudit dan daripada sektor perkhidmatan.

2.2.6. Sebanyak 30 (17.6%) daripada 170 syarikat BBP dengan modal berbayar berjumlah RM8.803 bilion telah dipilih sebagai sampel pengauditan projek rintis penilaian sendiri. Syarikat yang dipilih termasuk 11 Syarikat Tujuan Khas/Special Purpose Vehicle (SPV) dan melibatkan 16 BBP di bawah lapan Kementerian/Jabatan yang menyelia seperti **Jadual 1**.

AGENSI TERLIBAT




JADUAL 1: SAMPEL SYARIKAT MENGIKUT KEMENTERIAN DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN/BBP	NAMA SYARIKAT	MODAL BERBAYAR (RM)
A. JABATAN PERDANA MENTERI		
1. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	1. Felda Asset Holdings Company Sdn. Bhd.	100
	2. Felda Investment Corporation Sdn. Bhd.	500,000,004
	3. Felda Korea Malaysia Sdn. Bhd.	12,600,000
	4. Global Settlers Sdn. Bhd.	2,000,000
2. Lembaga Tabung Haji (TH)	1. Premia Cards Sdn. Bhd.	6,000,000
	2. TH Indo Industries Sdn. Bhd.	152,000,000
	3. TH Indopalms Sdn. Bhd.	94,000,000
3. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	1. MAIWP Dagang Sdn. Bhd.	3,000,000
	2. MAIWP Healthcare Sdn. Bhd.	100,000
	3. Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd.	3,500,000
4. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)	YAPEIM Holdings Sdn. Bhd.	35,750,000

KEMENTERIAN/BBP	NAMA SYARIKAT	MODAL BERBAYAR (RM)
B. KEMENTERIAN EKONOMI		
5. Iskandar Regional Development Authority (IRDA)	My Iskandar Sdn. Bhd.	1,500,000
C. KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH		
6. Majlis Amanah Rakyat (MARA)	MARA Corporation Sdn. Bhd.	719,490,113
7. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	RISDA Holdings Sdn. Bhd.	163,320,000
D. KEMENTERIAN KEWANGAN		
8. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP]	1. Capsquare Tower Sdn. Bhd.	466,852,826
	2. Harta Integra Berkat Sdn. Bhd.	1,046,237,202
	3. KWEST Sdn. Bhd.	771,379,092
9. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	1. Common Icon Sdn. Bhd.	99,600,002
	2. KWASA Logistics Sdn. Bhd.	13,680,483
	3. Naungan Sentosa Sdn. Bhd.	458,801
	4. Tanjung Wibawa Sdn. Bhd.	1,149,357,849
	5. Yarra Development Holdings (Australia) Sdn. Bhd.	539,433,522
10. Bank Negara Malaysia (BNM)	Danamodal Nasional Berhad	3,000,000,002
E. KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL		
11. Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	Bernama Berhad	2
F. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN		
12. Perbadanan PR1MA Malaysia	1. PR1MA Communications Sdn. Bhd.	1,000,000
	2. PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd.	1,000,000
G. KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI		
13. Universiti Malaysia Pahang (UMP)	UMP Holdings Sdn. Bhd.	4,500,002
14. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	UMT Jaya Holdings Sdn. Bhd.	3,700,000
15. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	UPSI Holdings Sdn. Bhd.	10,000,000
H. KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN		
16. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	MyKopieSatu Sdn. Bhd.	3,000,002
JUMLAH		8,803,460,002

2.2.7. Limitasi pengauditan adalah berdasarkan kepada ketelusan jawapan yang diberikan oleh pengurusan syarikat sahaja.

3. METODOLOGI PENGAUDITAN



3.1. Soal selidik yang mengandungi aspek tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan serta aktiviti syarikat telah dihantar kepada pengurusan 30 syarikat terpilih.

3.2. Bagi analisis kedudukan kewangan, selain daripada maklum balas yang diberikan dalam soal selidik, semakan juga dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021 yang diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

3.3. Penilaian aktiviti syarikat dibuat secara umum berdasarkan aktiviti utama tahun semasa yang dinyatakan oleh syarikat berbanding dengan Perlembagaan Syarikat.


3.4. Setiap borang soal selidik perlu disahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

3.5. Analisis terhadap maklum balas syarikat dijalankan berdasarkan markah

mengikut pemberat bagi setiap kriteria yang perlu diamalkan oleh syarikat. Berdasarkan markah tersebut, amalan tadbir urus korporat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu Baik (80% - 100%); Memuaskan (60% - 79.9%); atau Kurang Memuaskan (59.9% ke bawah). Markah bagi kedudukan kewangan pula dikategorikan kepada Kukuh (80% - 100%); Stabil (60% - 79.9%); atau Kurang Stabil (59.9% ke bawah).

3.6. Pencapaian keseluruhan syarikat ditentukan berdasarkan kombinasi tahap pencapaian aspek tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan yang diperoleh oleh syarikat. Berdasarkan kombinasi tersebut, pencapaian keseluruhan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu Baik (80% - 100%); Memuaskan (60% - 79.9%); atau Kurang Memuaskan (59.9% ke bawah). Hasil analisis telah dikemukakan kepada semua syarikat terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT



4.1. Status Syarikat

4.1.1. Hasil semakan mendapati 22 (73.3%) syarikat berstatus aktif dan kesemua syarikat ini menjalankan aktiviti perniagaan selaras dengan Perlembagaan Syarikat. Sebanyak lapan (26.7%) syarikat berstatus tidak aktif yang mana empat tidak aktif kerana tidak menjalankan operasi, tiga syarikat dalam proses penggulangan dan satu syarikat dibubarkan.

4.1.2. Pembubaran satu syarikat dan penggulangan tiga syarikat telah memberi implikasi yang mana objektif penubuhan syarikat tersebut tidak lagi tercapai dan kerugian pelaburan kepada agensi induk berjumlah RM102.99 juta. Senarai syarikat yang tidak aktif, dalam proses penggulangan dan dibubarkan seperti **Jadual 2** hingga **Jadual 4**.

JADUAL 2: SYARIKAT TIDAK AKTIF

NAMA	TARIKH TUBUH	MAKLUMAT KEWANGAN (TAHUN 2021)	SEBAB/KESAN
Bernama Berhad	30.12.1996	Modal: RM2 Aset: RM1,245 Liabiliti: RM374,413 Ekuiti: (RM373,168) Kerugian Terkumpul: (RM373,170)	Tidak pernah menjalankan operasi sejak ditubuhkan
Premia Cards Sdn. Bhd.	18.08.2017	Modal: RM6 juta Aset: RM2.03 juta Liabiliti: RM117,006 Ekuiti: RM1.92 juta Kerugian Terkumpul: (RM4.08 juta)	Projek Kad TH ditangguhkan
TH Indopalms Sdn. Bhd.	12.12.1985	Modal: RM94 juta Aset: RM101.34 juta Liabiliti: RM4.80 juta Ekuiti: RM96.54 juta Keuntungan Terkumpul: RM2.54 juta	Pegangan saham dalam syarikat PT TH Indo Plantations telah dijual
TH Indo Industries Sdn. Bhd.	14.08.1997	Modal: RM152 juta Aset: RM168.49 juta Liabiliti: RM11.27 juta Ekuiti: RM157.22 juta Keuntungan Terkumpul: RM5.22 juta	Aset yang digunakan bagi tujuan sewaan telah dijual

JADUAL 3: SYARIKAT DALAM PROSES PENGGULUNGAN

NAMA	TARIKH TUBUH	MAKLUMAT KEWANGAN (TAHUN 2021)	SEBAB/KESAN
Global Settlers Sdn. Bhd.	13.05.2013	Modal: RM2 juta Aset: RM147,326 Liabiliti: RM481,432 Ekuiti: (RM334,106) Kerugian Terkumpul: (RM40.71 juta)	Liabiliti tinggi dan tidak mampu untuk meneruskan perniagaan Kerugian Pelaburan: RM40.38 juta
MyKopieSatu Sdn. Bhd.	18.12.2015	Modal: RM3 juta Aset: RM532,634 Liabiliti: RM26,482 Ekuiti: RM506,152 Kerugian Terkumpul: (RM2.49 juta)	Peralihan operasi perniagaan kepada agensi induk (FAMA) Kerugian Pelaburan: RM3 juta
Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd.	22.08.2014	Modal: RM3.5 juta Aset: RM1.61 juta Liabiliti: RM1.31 juta Ekuiti: RM304,878 Kerugian Terkumpul: (RM3.20 juta)	Tunggakan bayaran balik pinjaman/pendahuluan dan penstrukturan semula pengurusan wakaf di MAIWP Kerugian Pelaburan: RM4.73 juta

JADUAL 4: SYARIKAT DIBUBARKAN

NAMA	TARIKH TUBUH	MAKLUMAT KEWANGAN (TAHUN 2021)	SEBAB/KESAN
Felda Korea Malaysia Sdn. Bhd.	17.07.2013	Modal: RM12.6 juta FELDA: RM12 juta Syarikat Korea: RM0.60 juta	Ketidakpatuhan terhadap subsekyen 248(1) dan (2) serta 259(1) Akta Syarikat 2016 [Akta 777] Kerugian Pelaburan: RM54.88 juta

4.2. Tadbir Urus Korporat

4.2.1. Ringkasan tahap pencapaian tadbir urus korporat bagi 29 syarikat adalah empat (13.3%) syarikat pada tahap Baik, 12 (40%) syarikat adalah Memuaskan manakala 13 (43.4%) syarikat adalah pada tahap Kurang Memuaskan. Satu (3.3%) syarikat tidak dapat dinilai kerana syarikat telah dibubarkan oleh SSM.

4.2.2. Tahap amalan tadbir urus korporat bagi 10 daripada 11 SPV yang ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi khusus bagi sesebuah agensi adalah Kurang Memuaskan. Hanya satu syarikat SPV yang

memperoleh tahap amalan tadbir urus korporat Memuaskan.

4.2.3. Perkara ini berlaku kerana syarikat SPV tidak mempunyai struktur sendiri tetapi pengurusan operasi dan tadbir urus syarikat adalah di bawah kawalan agensi induk sepenuhnya. Oleh itu, syarikat SPV mempunyai limitasi dalam mengamalkan sembilan elemen tadbir urus korporat yang disarankan.

4.3. Kedudukan Kewangan

4.3.1. Analisis kedudukan kewangan bagi 29 syarikat melibatkan:


- pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi;
- aset dan liabiliti; serta
- tunai dan kesetaraan tunai.

4.3.2. Hanya tujuh (23.3%) syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang Kukuh. 13 (43.4%) syarikat pada tahap Stabil dan sembilan (30%) syarikat Kurang Stabil. Satu (3.3%) syarikat tidak dapat dinilai kerana telah dibubarkan oleh SSM.

4.3.3. Sebanyak sembilan (31%) daripada 29 syarikat membuat bayaran dividen kepada agensi induk berjumlah RM118.89 juta bagi tahun 2021 melibatkan dividen antara RM5,383 hingga RM73.84 juta.

4.3.4. Selain itu, 17 (58.6%) daripada 29 syarikat yang disemak merekodkan kerugian terkumpul bagi tahun 2021 berjumlah RM1.292 bilion melibatkan kerugian terkumpul syarikat antara RM26,949 hingga RM1.109 bilion.

5. RUMUSAN AUDIT



5.1. Pencapaian Keseluruhan

Pencapaian keseluruhan syarikat berdasarkan kombinasi pencapaian aspek tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan menunjukkan empat (13.3%) syarikat berada pada tahap Baik; 10 (33.4%) syarikat berada pada tahap Memuaskan; dan 15 (50%) syarikat berada pada tahap Kurang Memuaskan. Satu (3.3%) syarikat tidak dinilai kerana telah dibubarkan oleh SSM.

5.2. Hala Tuju Penilaian Kendiri Syarikat Kerajaan

Hala tuju projek rintis pengauditan penilaian sendiri syarikat kerajaan akan ditambah baik berdasarkan maklum balas yang diterima dan akan diperkembangkan supaya lebih banyak syarikat dapat diaudit setiap tahun.

6. SYOR AUDIT



Pihak pengurusan syarikat perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:

- i. meningkatkan kesedaran berkenaan aspek tadbir urus korporat yang baik dan keperluan menambah baik pengurusan syarikat. Elemen tadbir urus korporat yang dinilai oleh Jabatan Audit Negara dalam soal selidik projek rintis ini boleh menjadi sumber rujukan tadbir urus korporat syarikat yang baik;
- ii. syarikat perlu melaksanakan operasi syarikat dengan optimum agar dapat meningkatkan hasil/pendapatan syarikat dan menjimatkan perbelanjaan operasi syarikat;
- iii. syarikat yang berstatus tidak aktif perlu dikaji semula sama ada kewujudannya masih relevan atau perlu ditutup agar tidak memberi implikasi kewangan yang berpanjangan kepada agensi induk;
- iv. proses penggulungan hendaklah dilakukan dengan segera demi menjaga imej dan kepentingan agensi induk; dan
- v. kajian secara menyeluruh perlu dilakukan sebelum menceburi sesuatu bidang pelaburan atau projek bagi mengelakkan berlakunya kerugian yang besar dalam pelaburan kerana syarikat yang ditubuhkan gagal beroperasi mengikut tujuan penubuhannya.